TEKS UCAPAN

YAB DATUK SERI PANGLIMA DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SENTUHAN KASIH
DESA @ SUKAU, KINABATANGAN, SABAH

TARIKH & MASA:

09 MEI 2024 (KHAMIS), 11.00 PAGI

TEMPAT:

DATARAN TAMU, PEKAN, SUKAU, KINABATANGAN, SABAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Luar Bandar

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN)

PENDAHULUAN

Nu ako ulun-ulun Kinabatangan?

(Apa khabar orang-orang Kinabatangan?)

Mudah-mudahan ako pio tu kerippon.

(Saya harap kamu semua baik-baik sahaja.)

1. Pertama sekali, saya ingin panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat-Nya dapat kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Perasmian Program Sentuhan Kasih Desa @ Sukau, Kinabatangan, Sabah pada pagi ini.

2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada YB Datuk Seri Panglima Bung Moktar, Ahli Parlimen Kinabatangan selaku Ketua UMNO Sabah yang sudi menjemput saya dan warga KKDW, HAWA untuk bersama-sama hadir ke Sukau dan seterusnya turut serta dalam acara perasmian program ini.

3. Lazimnya kami akan ke Kota Kinabalu bagi mengatur program dan perbincangan, tetapi hari ini kami hadir ke bumi Kinabatangan bukan sahaja untuk program Sentuhan Kasih Desa ini, tetapi melihat potensi yang besar dapat dilakukan oleh Kerajaan Madani, khususnya KKDW dan memberikan hebahan pelbagai inisiatif kepada rakyat di Kinabatangan ini.

4. Saya percaya bagi membangunkan sebuah negara, bukan sahaja kemajuan bandar harus diutamakan – pembangunan modal insan, ekonomi dan keusahawanan desa juga adalah faktor dalam memacu sebuah negara untuk menjadi sebuah negara yang maju membangun.

PEMBANGUNAN KINABATANGAN, SABAH

5. Bagi tempoh 2021 hingga 2024**,** di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan telah memperuntukkan kepada KKDW sebanyak **RM18.39 billion bagi tujuan pembangunan di Negeri Sabah** melalui pelbagai agensi di bawah KKDW termasuk agensi Kerajaan Negeri Sabah seperti **Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB) dan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS**).

6. Jumlah peruntukan di bawah RMKe-12 untuk Negeri Sabah adalah antara yang **tertinggi** iaitu **melebihi RM 1**

billion setiap tahun. Peningkatan peruntukan ini menunjukkan komitmen pihak Kerajaan untuk membantu kerajaan dan rakyat negeri Sabah untuk menikmati pembangunan dan kesejahteraan. Komitmen ini akan berterusan selagi wujudnya kerjasama dan hubungan baik di antara kerajaan negeri dan persekutuan.

7. Bagi tahun 2024, di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) RMKe-12, daripada RM7.43 billion peruntukan pembangunan KKDW, sebanyak **RM1.49 bilion** atau **20 peratus** telah diperuntukkan bagi Negeri Sabah melibatkan sebanyak **295 projek**.

8. Bagi tahun 2024, KKDW juga telah memperuntukkan sejumlah **RM77.35 juta** bagi tujuan pembangunan di daerah Kinabatangan untuk pelaksanaan pelbagai projek melibatkan kemudahan awam, infrastruktur perhubungan dan utiliti desa.

9. Antara projek utama yang telah dan akan dilaksanakan adalah termasuk pembinaan **Jalan Luar Bandar (JALB), Jambatan Luar Bandar (JMLB)** bernilai **RM943 juta** dan penyediaan **Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** dengan kos keseluruhan bernilai **RM162.4 juta.**

10. Bagi meningkatkan kualiti prasarana asas serta mewujudkan peluang pekerjaan melalui peningkatan pendapatan dengan tujuan mengeluarkan penduduk setempat dari garis kemiskinan, KKDW telah meluluskan pelaksanaan **Program Lonjakan Mega Luar Bandar** dengan **jumlah peruntukan keseluruhan** bernilai **RM9 juta.**

11. Selain itu, pembangunan penempatan baru dan penyusunan semula kampung sedia ada secara terancang di kawasan Sukau yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan ameniti sosial akan dilaksanakan menerusi **Program Bersepadu Pemajuan Kawasan** bernilai **RM47.6 juta.**

12. KKDW melalui KEMAS juga telah menyediakan peruntukan berjumlah RM2.31 juta bagi pelaksanaan pelbagai program pembangunan komuniti dan latihan keusahawanan (RM1.17 juta); pendidikan kemahiran (RM1.14 juta) selain RM1.5 juta bagi naiktaraf kemudahan premis bagi manfaat masyarakat tempatan untuk kawasan Kinabatangan.

13. Selain itu, sejumlah **RM18 juta** juga diperuntukan untuk pelaksanaan program pembangunan modal insan dan modal sosial di negeri Sabah seperti **Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK)**.

14. Sejumlah **RM155.24 juta** telah diperuntukan bagi **Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)** serta Latihan Kemahiran Pekebun Kecil untuk pembangunan dan pemerkasaan usahawan luar bandar di negeri Sabah.

15. Kesemua peruntukan yang diluluskan kepada Negeri Sabah adalah bukti jelas bahawa Kerajaan Persekutuan sangat cakna kepada rakyat Sabah. Kerajaan sentiasa ingin memastikan rakyat Sabah menikmati rahmat kekayaan negara ini serta tidak ketinggalan dalam arus pembangunan kedesaan.

PENGISIAN PROGRAM SENTUHAN KASIH DESA@SUKAU, KINABATANGAN, SABAH

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

16. Saya telah banyak melihat pelbagai program yang dianjurkan oleh KKDW, tetapi saya teruja melihat sambutan yang diberikan oleh penduduk Sukau, Kinabatangan pagi program kali ini. Saya lihat banyak pengisian program untuk diambil peluang oleh masyarakat di sini antaranya - aktiviti jualan usahawan, bual bicara Usahawan Desa bersama Ikon Usahawan Selebriti, pameran TVET@KKDW, Jualan Rahmah, pertandingan gubahan floral, pelbagai aktiviti pameran dan jualan untuk

pengunjung serta penyerahan watikah pelantikan bagi Komuniti Desa Madani (KDM) Negeri Sabah.

17. Melalui program ini juga, saya mahu para usahawan di Kinabatangan mengambil peluang untuk mengembangkan potensi perniagaan masing-masing. Ini kerana, KKDW telah menyediakan peruntukan keseluruhan **sebanyak RM17 juta untuk pembangunan dan pemerkasaan usahawan desa melalui Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB).**

18. Melalui SPKLB, usahawan berpeluang mendapatkan kemudahan sokongan bagi memperkukuh, mengembangkan perniagaan serta membangunkan produk serta perkhidmatan bagi tujuan pemasaran yang lebih luas. Jadi kepada sesiapa yang ingin meniaga atau nak jadi usahawan, ambil peluang ini. Mana tahu dari bantuan yang diperolehi hari ini, akan menjadikan perniagaan lebih besar di masa hadapan.

19. KKDW akan sentiasa membantu mengangkat dan mempromosi pelbagai produk serta perkhidmatan usahawan tempatan contohnya dalam bidang **makanan dan minuman, fesyen pakaian wanita, lelaki dan kanak-kanak, kecantikan dan kesihatan, kraftangan dan produk pertanian**.

20. Bagi seorang yang sentiasa datang ke Sabah, saya lihat potensi sektor kraftangan sangat besar. Nilai sebuah beg sulaman contohnya, saya sendiri pernah melihat harganya menjadi berlipat ganda bila dijual di Kuala Lumpur, dan lebih tinggi nilainya apabila dijual di luar negara. Barang orang Sabah memang ada keunikannya yang tersendiri!

21. Saya menyeru kepada penduduk di sekitar Kinabatangan agar dapat berhubung dengan agensi KKDW dan agensi Kerajaan yang lain yang menyediakan program dan inisiatif keusahawanan agar dapat manfaatkan peluang yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

22. Tambahan itu, saya menggesa orang ramai untuk menimba sebanyak mungkin dan pengalaman yang dikongsikan oleh usahawan-usahawan berjaya yang dibawakan khas ke sini menerusi program Bual Bicara Usahawan Bersama Ikon Usahawan Selebriti, sesi *Business Matching* dan pameran pelbagai agensi yang diadakan sepanjang program ini.

23. Sudah pasti, setiap aktiviti yang dianjurkan sedikit sebanyak mampu mencipta peluang kepada usahawan desa untuk mendapatkan akses pasaran yang lebih meluas, berdaya saing dan dapat melebar dan mengembangkan jaringan perniagaan. Segeralah

berhubung dengan agensi KKDW dan agensi Kerajaan yang lain yang menyediakan program dan inisiatif keusahawanan agar anda semua dapat menikmati manfaat yang disediakan.

24. Kepada para pengunjung hadir untuk menikmati kemeriahan program, jangan lupa untuk mengikuti aktiviti-aktivit menarik seperti aktiviti jualan rahmah untuk membeli barang keperluan serta menyertai pertandingan-pertandingan yang dianjurkan bagi menguji kebolehan masing-masing dan merebut hadiah istimewa yang ditawarkan. Inilah keunikan Program Sentuhan Kasih Desa, macam-macam ada.

25. Saya berharap agar semoga semua program dan aktiviti yang telah dirancang ini dapat memberi manfaat kepada rakyat tempatan dikawasan ini.

PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN KOMUNITI MADANI (KDM) NEGERI SABAH

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

26. Dalam Program Sentuhan Kasih Desa Majlis ini juga akan diadakan penyerahan watikah pelantikan **Komuniti Desa Madani (KDM) Negeri Sabah.** Ia akan dianggotai oleh 13 orang anggota yang diketuai oleh seorang Pengerusi, seorang Setiausaha dan 11 orang Ahli Jawatankuasa.

27. KKDW telah menyediakan peruntukan keseluruhan untuk Komuniti Desa Madani di Negeri Sabah bagi fasa I, tahun 2024 adalah sebanyak **RM7,566,200** yang merangkumi pemberian **insentif tadibir urus KDM** sebanyak **RM4,020,000** dan **elaun KDM** sebanyak **RM3,546,200 (elaun Pengerusi dan Setiausaha).** Jumlah keseluruhan Komuniti Desa Madani di Negeri Sabah ialah sebanyak **2,853 institusi.**

28. Jawatan-jawatan ini akan diberikan **kadar elaun** Komuniti Desa Madani :

a. Pengerusi - RM500 sebulan
b. Setiausaha - RM300 sebulan

c. Elaun Kehadiran Mesyuarat (AJK) - RM50 setiap mesyuarat (terhad 6 kali tuntutan setahun)
d. Elaun Pengurusan Mesyuarat - RM100 setiap mesyuarat (terhad 6 kali tuntutan setahun)

29. Tapi semua ini datang dengan tanggungjawab yang besar. Saya mahu semua yang terlibat dalam Komuniti Desa Madani memainkan peranan penting khususnya bagi mengenalpasti golongan yang memerlukan bantuan, menggerakkan aktiviti komuniti setempat, membuat perancangan dan pelaksanaan projek/program di kampung disamping menggerakkan penglibatan komuniti setempat.

30. Komuniti Desa Madani juga boleh bertindak sebagai perantara di peringkat akar umbi yang akan menyalurkan sebarang permasalahan atau aduan kepada pihak-pihak yang berkuasa dan berkaitan terhadap sesuatu isu yang timbul dan sebagainya.

31. Dengan pelantikan ini, diharapkan agar semua Komuniti Desa Madani dapat melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin dan seterusnya dapat membantu Kerajaan Madani dalam pelaksanaan dasar dan polisi sedia ada.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

32. Adalah menjadi harapan saya agar penganjuran program di Sukau ini akan dapat mencapai objektif utamanya iaitu sebagai satu platform kepada usahawan luar bandar khasnya di kawasan Kinabatangan dan sekitarnya untuk memasarkan produk dan turut mewujudkan peluang akses pasaran kepada pemborong, pengedar dan pembeli.

33. Sekali lagi ucapan terima kasih khas saya kepada penduduk di Kinabatangan dan sekitar yang telah berkunjung dan telah menunjukkan sokongan dengan membeli dan menggunakan produk dan perkhidmatan keluaran usahawan luar bandar, yang sememangnya mempunyai kualiti setanding barangan berjenama di pasaran.

Sekian, terima kasih. Wabillahi Taufik
Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh